

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## Peperiksaan Semester II Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

### PLG 431 - Pentadbiran Am Sekolah

[Masa : 2 Jam]

---

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Falsafah Pendidikan Negara antara lain menekankan Pendidikan untuk **“melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”**. Berdasarkan kepada pernyataan di atas apakah implikasi dan perubahan-perubahan yang terdapat dari aspek kurikulum dalam sistem pendidikan di negara ini.
2. Tiap-tiap sekolah mempunyai sumber kewangan yang tersendiri melalui fand kerajaan dan suwa. Bezakan pengertian FAND KERAJAAN dengan FAND SUWA (private) dan bagaimanakah FAND KERAJAAN diuruskan.
3. Jadual Waktu adalah satu daripada aspek penting di dalam kurikulum sekolah. Bagaimanakah Pengetua memainkan peranan untuk mendapat kerjasama ketua-ketua bidang, ketua-ketua panitia untuk merancang jadual waktu sekolah.
4. Pengajaran dan pembelajaran sangat dipentingkan di semua sekolah. Selain daripada pengetua dan jawatankuasa sekolah, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP) berperanan untuk menentukan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Jelaskan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh JNSP untuk mencapai kualiti tersebut.
5. Pengurusan tatatertib kakitangan di sekolah adalah tanggungjawab pengetua. Apakah yang dimaksudkan dengan tindakan tatatertib? Jelaskan cara-cara sesuatu tindakan tatatertib itu diambil.
6. Huraikan dengan jelas semua aspek yang berkait dengan ‘Persatuan’ seperti yang terkandung di dalam “Kaedah-kaedah Persatuan Ibubapa Guru-guru, 1973”, AKTA PELAJARAN 1961, dan nyatakan peranan pengetua di dalam persatuan tersebut.

- ooo0ooo -